

**Parlimen: 10,500 Pengedar Dadah Ditahan Sejak 2009 - Hishammuddin
Bernama
19 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Bagi tempoh 2009 hingga tahun lepas, seramai 10,500 orang ditahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah sejak 2009.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata daripada jumlah itu seramai 2,955 ditahan pada 2009, 3,700 orang pada 2010 dan baki 3,845 orang lagi ditangkap sepanjang tahun lepas.

"Statistik PDRM (Polis Diraja Malaysia) bagi kes tersebut (pengedaran dadah) menunjukkan peningkatan disebabkan beberapa faktor antaranya kerana keuntungan yang lumayan dan cepat hasil daripada aktiviti pengedaran dadah," katanya dalam jawapan bertulis kepada Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor), pada persidangan Dewan Rakyat, di sini pada Isnin.

Selain itu katanya, dadah jenis sintetik juga mudah diproses pada masa kini berikutan formula dan bahan kimia untuk memproses dadah mudah diperolehi.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653160>